



MALAYSIA

# PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

*Senate*

PARLIMEN KETIGA

*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

*First Session*

## KANDONGAN-NYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 601]

PEMASHHORAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Uchapan Terima Kasih [Ruangan 601]

Memperkenankan Rang Undang<sup>2</sup> [Ruangan 602]

Perutusan daripada Dewan Ra'ayat [Ruangan 604]

URUSAN MESHUARAT [Ruangan 606]

MENGANGKAT SUMPAH DI-BAWAH S.O. 4 (3):

Yang Berhormat Tan Sri Ong Yoke Lin [Ruangan 606]

JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup> [Ruangan 606]

USUL<sup>2</sup>:

Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat [Ruangan 607]

Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 [Ruangan 608]

MALAYSIA  
**DEWAN NEGARA YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

---

Hari Isnin, 2hb Ogos, 1971

---

*Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADHIR:**

- Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN  
BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ Peguam Negara Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN  
YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia  
TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K.  
(Di-lantek).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Di-lantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Di-lantek).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' CHAN KWONG HON, J.M.N., D.P.M.S., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P., DATO' KURNIA  
INDERA (Di-lantek).
- „ TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- Yang Berbahagia TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Di-lantek).
- Yang Berhormat TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATO' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DR SYED HUSSEIN ALATAS (Pulau Pinang).
- „ TUAN HONG KIM SUI, A.D.K. (Di-lantek).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).

- Yang Berhormat DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., ORANG KAYA  
 INDERA MAHARAJA PURBA JELAI (Pahang).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Di-lantek).
- „ TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).
- „ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN G. LOUIS (Di-lantek).
- „ AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
- „ DATO' HAJI PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
- „ DATO' ATHI NAHAPPAN D.P.M.S. (Di-lantek).
- „ DATO' NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., DATO' KURNIA PANGLIMA  
 RAJA (Pahang).
- „ DATO' TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH (Perlis).
- „ TUAN K. R. SOMASUNDRAM, A.M.N. (Kedah).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN WILLIAM TAN, J.M.N., C.B.E. (Di-lantek).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ DATO' S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N., (Di-lantek).
- „ TUAN WONG SWEE SOON, A.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Di-lantek).

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Berhormat Menteri Ta' Berpotfolio, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE  
 LIN, P.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).
- Yang Berbahagia TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).
- Yang Berhormat DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).

YANG HADHIR BERSAMA :

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU  
 SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E.  
 (Johor Bahru Timor).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB  
 BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD  
 (Pontian Selatan).

**DO'A**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang tersebut di-bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang di-sebutkan dalam Perlembagaan:

Dr Lim Ah Sitt

Tuan Yeap Kheng Yam

Tuan Chua Ching Cheng

Tuan Haji Hassan bin Haji Yaakub

Dr Syed Hussein Alatas

Tuan Shaari bin Jusoh

Tuan Ting Ming Hia.

**PEMASHHORAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA****TITAH JAWAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KAPADA UCHAPAN TERIMA KASEH**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya telah menerima dua puchok Perutusan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan bachakan Perutusan<sup>2</sup> itu sekarang:

“ISTANA NEGARA

**QUALUHUL-HAQ**

Warkah Al-Ikhlash Wal-Muhibbah ia-itu daripada Beta Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badli Shah, Yang di-Pertuan Agong, Malaysia.

Mudah<sup>2</sup>an barang di-wasalkan oleh Rabul'alamin ka-Majlis Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan, P.M.N., J.P., Yang di-Pertua Dewan Negara Malaysia, yang ada beristirihat al-khair pada masa ini di-bandar Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan-nya.

Ada pun kemudian daripada Beta ma'alumkan bahawa surat Tan Sri bertarikh 24hb Mach, 1971, kerana menyampaikan ketetapan Uchapan Terima Kaseh Majlis Dewan Negara Malaysia, kerana Titah Uchapan Beta pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga. Beta meminta kelapangan Tan Sri apa-lah jua kira-nya Tan Sri menyampaikan terima kaseh Beta kepada sakalian Ahli<sup>2</sup> Majlis Dewan Negara Malaysia kerana membuat ketetapan tersebut, dan jua di-

atas perasaan yang tulus ikhlas yang telah ditunjukkan kepada Beta itu akan di-kandongkan di-dalam ingatan Beta sa-lama-nya.

Sekian-lah sahaja Beta ma'alumkan serta di-sudahi dengan salam jua ada-nya.

*Tandatangan:*

TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH.

Termaktub pada 27hb Mach, Tahun 1971.”

“ISTANA NEGARA

**QUALUHUL-HAQ**

Warkah Al-Ikhlash Wal-Muhibbah ia-itu daripada Beta Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badli Shah, Yang di-Pertuan Agong, Malaysia.

Mudah<sup>2</sup>an barang di-wasalkan oleh Rabul'alamin ka-Majlis Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan, P.M.N., J.P., Yang di-Pertua Dewan Negara Malaysia, yang ada beristirihat al-khair pada masa ini di-bandar Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan-nya.

Ada pun kemudian daripada itu Beta ma'alumkan bahawa surat Tan Sri bertarikh 22hb Mach tahun 1971, kerana menyampaikan ketetapan Uchapan Tahniah atas perlantikan Beta menjadi Yang di-Pertuan Agong serta jua ikrar ta'at setia Ahli<sup>2</sup> sakalian terhadap Beta.

Sukachita-lah Beta mengambil peluang ini meminta kelapangan Tan Sri apa-lah kira-nya Tan Sri menyampaikan ucapan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh Beta kepada Ahli<sup>2</sup> Majlis Dewan Negara kerana Uchapan Tahniah atas perlantikan Beta menjadi Yang di-Pertuan Agong serta jua ikrar ta'at setia Ahli<sup>2</sup> sakalian terhadap Beta.

Sekian-lah sahaja Beta ma'alumkan serta di-sudahi dengan salam jua ada-nya.

*Tandatangan:*

TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH.

Termaktub pada 27hb Mach, Tahun 1971.”

**MEMPERKENANKAN RANG UNDANG<sup>2</sup>**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat ada-lah di-ma'alumkan ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> yang berikut ini telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong:

- (1) Akta (Pindaan) Perlembagaan, 1971.
- (2) Akta (Pindaan) No. 2 Perlembagaan, 1971.
- (3) Akta (Pindaan) Chukai Pendapatan, 1971.
- (4) Akta Saraan Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen.

- (22) Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Kemajuan Ikan, Malaysia.
- (23) Rang Undang<sup>2</sup> Perikanan (Pindaan).
- (24) Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan).
- (25) Rang Undang<sup>2</sup> Persatuan Peladang (Pindaan).
- (26) Rang Undang<sup>2</sup> Mencheegah Rasuah (Pindaan).
- (27) Rang Undang<sup>2</sup> Senjatapi (Penalti Lebih Berat).
- (28) Rang Undang<sup>2</sup> (Perbadanan) Synod Diocese, Malaysia Barat.
- (29) Rang Undang<sup>2</sup> Perwarisan (Peruntukan Keluarga)
- (30) Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Padi dan Beras Negara.
- (31) Rang Undang<sup>2</sup> Saraan Hakim.
- (32) Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) Odit.
- (33) Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) Mahkamah Ke'adilan.
- (34) Rang Undang<sup>2</sup> Perhubungan Perusahaan (Pindaan).
- (35) Rang Undang<sup>2</sup> Kerja (Pindaan).
- (36) Rang Undang<sup>2</sup> Kesatuan Sekerja (Pindaan).
- (37) Rang Undang<sup>2</sup> (Perbadanan) Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan.
- (38) Rang Undang<sup>2</sup> Arkib Negara (Pindaan).
- (39) Rang Undang<sup>2</sup> Kawalan Sewa (Pindaan).
- (40) Rang Undang<sup>2</sup> Paspot (Pindaan).
- (41) Rang Undang<sup>2</sup> Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan).
- (42) Rang Undang<sup>2</sup> Imigeresen (Pindaan).
- (43) Rang Undang<sup>2</sup> Perbadanan Pembangunan Bandar.
- (44) Rang Undang<sup>2</sup> Galakan Pelaburan (Pindaan).
- (45) Rang Undang<sup>2</sup> Timbang dan Sukat Meter.
- (46) Rang Undang<sup>2</sup> Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan).
- (47) Rang Undang<sup>2</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) (No. 2).
- (48) Rang Undang<sup>2</sup> Kemajuan Tanah (Pindaan).

- (49) Rang Undang<sup>2</sup> (Memperbadankan) (Pindaan) Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara.
- (50) Rang Undang<sup>2</sup> Surohanjaya Pelabohan, Pulau Pinang (Pindaan).
- (51) Rang Undang<sup>2</sup> Lalu-lintas Jalan (Pindaan) (No. 2).
- (52) Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Pelabohan (Pindaan).

*Tandatangan:*

YANG DI-PERTUA, DEWAN RA'AYAT."

## URUSAN MESHUARAT

**Menteri Dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Pengerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> yang di-terima tadi dari Dewan Ra'ayat bagi bacaan kali yang, kedua dan ketiga-nya dalam Persidangan Dewan sekarang ini.

## MENGANGKAT SUMPAH DI-BAWAH S.O. 4 (3)—YANG BERTHORMAT TAN SRI ONG YOKE LIN

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya suka mema'alumkan ia-itu Yang Berhormat Tan Sri Ong Yoke Lin telah mengangkat sumpah sa-bagai Ahli Dewan Negara di-hadapan saya pada hari Selasa 27hb Julai, 1971 mengikut syarat<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 4 (3).

## JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup>

### KETIADAAN KAKITANGAN SA-WAJIBNYA DI-SARAWAK

**1. Tuan Andrew Jika Landau** minta kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Chawangan Kementerian beliau di-Sarawak tidak mempunyai kaki-tangan yang sa-wajibnya setanding dengan negeri<sup>2</sup> lain di-Malaysia Barat mahu pun Sabah; dan kebanyakan kegiatan<sup>2</sup> Belia dan Kebudayaan di-Sarawak ada-lah bergantung kepada usaha<sup>2</sup> suka-relawan<sup>2</sup> sahaja.

- (5) Akta Penchen dan Ganjaran Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen.
- (6) Akta Penchen Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj.
- (7) Akta (Pindaan) Mahkamah.
- (8) Akta (Pindaan) Peruntokan Di-Raja.
- (9) Akta (Pindaan) Lembaga Urusan dan Tabong Haji.
- (10) Akta (Pindaan) Eksais.
- (11) Akta Eksais Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah (Pindaan).
- (12) Akta Zon Perdagangan Bebas.
- (13) Akta (Pindaan) Chukai Pendapatan Petroliaam.
- (14) Akta (Pindaan) Achara Kewangan.
- (15) Akta (Pindaan) Insuran.
- (16) Akta (Pindaan) Bill Pertukaran.
- (17) Akta (Pindaan) Rumah Judi 'Am.
- (18) Akta Umor Dewasa.
- (19) Akta (Pindaan) Pemegang Amanah.
- (20) Akta (Pindaan) Penyemakan Undang<sup>2</sup>.
- (21) Akta Peruntokan<sup>2</sup> Khas Saman dan Waran.
- (22) Akta Bantuan Guaman.
- (23) Akta (Pindaan) Kesalahan<sup>2</sup> Kechil.
- (24) Akta (Pindaan) Polis.
- (25) Akta Ejensi Persendirian.
- (26) Akta Pungutan Rumah ka-Rumah dan di-Jalan (Pindaan).
- (27) Akta Universiti dan Kolej Universiti.
- (28) Akta (Pindaan) Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (29) Akta (Pindaan) Pelajaran.
- (30) Akta Pengambilan Tanah (Pindaan).
- (31) Akta (Pindaan) Sharikat.
- (32) Akta Larangan Kumpulan<sup>2</sup> Wang Kutu.
- (33) Akta (Pindaan) Keretapi.
- (34) Akta (Pindaan) Lalu-lintas Jalan.
- (35) Akta Majlis Sokan Negara Malaysia.
- (36) Akta (Pindaan) Lembaga Bandaran.
- (37) Akta (Pindaan) Pilehanraya Kerajaan Tempatan.
- (38) Akta Saraan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat.

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RA'AYAT KAPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Ra'ayat. Sekarang saya persilakan Setiausaha membachakan Perutusan itu.

*(Setiausaha membachakan Perutusan)*

“Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Dewan Ra'ayat telah meluluskan Rang Undang<sup>2</sup> yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujui-nya :

- (1) Rang Undang<sup>2</sup> Karantina dan Menchegeh Penyakit (Pindaan).
- (2) Rang Undang<sup>2</sup> Perubatan.
- (3) Rang Undang<sup>2</sup> Pergigian.
- (4) Rang Undang<sup>2</sup> Pembasmi Malaria.
- (5) Rang Undang<sup>2</sup> Hospital Persendirian.
- (6) Rang Undang<sup>2</sup> Obat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan).
- (7) Rang Undang<sup>2</sup> Bank Negara Malaysia (Pindaan).
- (8) Rang Undang<sup>2</sup> Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No. 2).
- (9) Rang Undang<sup>2</sup> Pinjaman (Stok Penimbal Timah Antarabangsa).
- (10) Rang Undang<sup>2</sup> Chukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2).
- (11) Rang Undang<sup>2</sup> Chukai Pendapatan Tambahan (Pindaan).
- (12) Rang Undang<sup>2</sup> Chukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2).
- (13) Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) (No. 2) Eksais.
- (14) Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan (1970).
- (15) Rang Undang<sup>2</sup> Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan).
- (16) Rang Undang<sup>2</sup> Perjanjian Bretton Woods (Pindaan).
- (17) Rang Undang<sup>2</sup> Kewangan (Pindaan).
- (18) Rang Undang<sup>2</sup> Kewangan (Duti Harta Pesaka).
- (19) Rang Undang<sup>2</sup> Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan).
- (20) Rang Undang<sup>2</sup> Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.
- (21) Rang Undang<sup>2</sup> Persatuan Nelayan.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya kekurangan yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan kekurangan pegawai, saya suka-lah menyatakan di-sini saya sedar bahawa kedudukan bilangan pegawai di-atas kekurangan-nya di-Sarawak ada-lah sama juga bagaimana berada di-Malaysia Barat.

## PEGAWAI KEBUDAYAAN NEGERI— LANTEKAN

**2. Tuan Andrew Jika Landau** minta kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan :

- (a) sama ada beliau akan melantek Pegawai Kebudayaan Negeri Sarawak dari anak Sarawak sendiri yang mempunyai pengalaman tentang hal<sup>2</sup> kebudayaan yang serba-neka di-negeri itu. Jika ya, bila.
- (b) ada-kah beliau mengetahui bahawa Pusat Pelbagai-guna yang baharu sahaja di-bentok di-Sarawak di-Bandar Kuching, ada-lah kechil sangat bagi Sarawak dan bila-kah bangunan itu akan di-perbesarkan.

**Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, langkah yang sedang di-ambil untuk melantek sa-orang pegawai yang sesuai sa-bagai Pegawai Kebudayaan Negeri Sarawak dan ada-lah di-jangka pegawai itu akan mula berkhidmat pada bulan September ini.

## WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PER- ATORAN MESHUARAT

(Usul)

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencha-dangkan :

Bahawa walau apa pun peruntokan<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara hendak-lah bersidang daripada pukul 2.30 petang hingga pukul 6.30 petang (atau pukul 7.00 petang pada apa<sup>2</sup> hari jika ada di-keluarkan usul hendak menanggohkan meshuarat menurut Peratoran Meshuarat 16) sa-panjang tempoh Meshuarat Kedua ini.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

*Di-putuskan,*

Bahawa walau apa pun peruntokan<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara hendak-lah bersidang daripada pukul 2.30 petang hingga pukul 6.30 petang (atau pukul 7.00 petang pada apa<sup>2</sup> hari jika ada di-keluarkan usul hendak menanggohkan meshuarat menurut Peratoran Meshuarat 16) sa-panjang tempoh Meshuarat Kedua ini.

## USUL

### RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA 1971-1975

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencha-dangkan :

Bahawa Dewan ini dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya *menyokong* Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan yang bertujuan pertama-nya membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, dan kedua-nya menyusun sa-mula masyarakat Malaysia bagi mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, *meluluskan* Rancangan Malaysia Kedua yang di-bentok khusus-nya bagi menchapai tujuan<sup>2</sup> ini melalui perlaksanaan dasar<sup>2</sup> dan ranchangan<sup>2</sup> pembangunan saperti yang di-sebutkan dalam Kertas Perintah No. 28 tahun 1971, dan *menyeru* kepada semua ra'ayat Malaysia supaya memberi segala usaha dan keazaman mereka dengan semangat Rukunegara kepada pembentukan satu masyarakat yang adil lagi saksama serta bersatu padu dan progresif.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira ada-lah menjadi satu penghormatan yang paling tinggi buat saya untuk membentangkan usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam membin-changkan ranchangan ini yang saya sifatkan sa-bagai satu piagam untuk perpaduan negara melalui kemakmuran, mari-lah bersama<sup>2</sup> kita merenong dan memenongkan hal negara kita ini. Sa-buah negara itu, sama-lah saperti sa-orang manusia, harus-lah ia mengenal diri-nya sendiri. Dan sa-masa kita berada di-ambang zaman baharu ini, saya rasa ada baik-nya kita renong sa-jenak dan menjalin-kan keadaan kita hari ini dengan masa<sup>2</sup> yang kita telah tempohi; dan berdasarkan latar-belakang ini, Tan Sri, mari-lah kita menilai diri kita, dan di-dalam rangka perspektif ini-lah saya menjemput Yang Berhormat<sup>2</sup> menimbang dan menyokong ranchangan ini dengan penoh keyakinan bahawa hujah<sup>2</sup>-nya menasabah dan tidak dapat di-nafikan.

Pada tempoh ini, ia-itu kala yang memaksa kita mengambil satu<sup>2</sup> keputusan, macham saya kata tadi, mari-lah kita mengenal diri kita sa-mula, dan memahami betul<sup>2</sup> segala kesulitan kita, bukan hanya memperhitungkan keadaan zaman ini, sa-olah<sup>2</sup> ia-nya terlingkung berasingan daripada aliran sejarah pengalaman. Warga baharu yang kita maksudkan itu hanya-lah boleh di-bentukkan melalui usaha<sup>2</sup> yang ta' mengundur dalam menchanaikan penilaian<sup>2</sup> baharu sa-laras dengan zaman kita, ia-itu satu zaman hasil daripada keseluruhan pengalaman dan pengetahuan kita yang silam.

Kita sungguh beruntung bahawa kita mempunyai satu sejarah yang gilang-gemilang, sejarah yang penoh dengan peristiwa, sejarah yang penoh dengan pengalaman dan keindahan. Banyak sa-kali pengajaran dan petunjuk dapat kita perolehi dari sejarah kita untuk membimbing kita menchari uncor<sup>2</sup> yang akan menjadikan negara ini sa-buah negara yang betul<sup>2</sup> bersatu-padu.

Di-sini-lah, Tuan Yang di-Pertua, di-Dewan yang di-mulikan ini, saya beruchap dahulu, saya mengajak Yang Berhormat<sup>2</sup> melayangkan fikiran ka-kota lama yang di-kenali dengan nama Kota Melaka, ia-itu kota yang menjadi pusat penghidupan di-wilayah ini pada masa itu; ia-nya menjadi tempat bertemu di-antara India dan negara<sup>2</sup> Mediterranean di-sabelah Barat dan China di-sabelah Timor. Kota Melaka ia-lah sa-buah bandar entrepot. Orang<sup>2</sup> India, orang<sup>2</sup> China, Arab, Portugis, Belanda, Inggeris—mereka semua datang ka-mari sa-bagai ahli pengembara, sa-bagai peniaga dan mendapati satu kawasan yang maju dengan pengeluaran dan peniaga. Ahli<sup>2</sup> penchatit saperti Fa-Hsian dan Il-Shing kagum dengan apa yang mereka lihat di-sini, dan sa-orang Eropah umpamanya Duarte Barbosa menchatitkan bahawa orang<sup>2</sup> di-sini ada-lah ahli<sup>2</sup> peniaga yang baik dan undang<sup>2</sup> mereka adil. Jenerasi demi jenerasi orang<sup>2</sup> dagang datang ka-mari dan lama-kelamaan-nya terus bermastautin di-sini. Pengaruh<sup>2</sup> kebudayaan mereka dan apa yang akhir<sup>2</sup>-nya munchol dan di-gelar sa-bagai kebudayaan "Melayu", pada fikiran saya, ada-lah satu perkembangan yang paling menarik bukan hanya dalam sa-bagai satu sejarah budaya, bahkan juga dalam menyuluhkan kita bagaimana hendak mendapatkan satu chara hidup yang rukun damai serta berbaik<sup>2</sup> sangka.

Ta' berapa jenerasi yang lalu, keadaan-nya ia-lah orang<sup>2</sup> Melayu, orang<sup>2</sup> China dan India hidup dalam rukun damai dan sentiasa saling-bekerjasama antara satu dengan lain. Chorak yang agak sama juga berlaku, saya rasa, di-wilayah Borneo. Ramai orang<sup>2</sup> China dan India memangku jawatan<sup>2</sup> yang penting di-dalam Kerajaan masing<sup>2</sup>. Justeru, satu synthesis telah terjalin dalam bentuk pengembelian melalui perhubungan dan pergeseran di-antara budaya Melayu yang mempunyai sistem nilai-nya dengan berbagai<sup>2</sup> pengaruh luar. Mungkin ada perbezaan pada butir<sup>2</sup> kechil in particularism tetapi pada ka-seluruhan-nya kebudayaan yang berlandaskan ka-bumiputran dalam menjadi amalan hidup. Saya rasa sa-kira-nya masharakat pada masa itu mempunyai satu perkataan, satu simbol yang di-fahami oleh masharakat pada masa sekarang sudah tentu mereka akan menggelar masharakat yang begitu rupa sa-bagai masharakat "Malayan". Ini dapat lahir kerana masharakat itu dan budaya-nya mencherminkan penghidupan berbagai kaum yang tidak berasing<sup>2</sup> mengikut alam keliling dan pekerjaan masing<sup>2</sup>. Tentu sahaja-lah menjadi satu kenyataan bahawa orang<sup>2</sup> Melayu itu yang banyak di-desa yang bertani, tetapi sa-kira-nya ada orang China atau ada orang India yang berniaga, ada pula orang Melayu yang berniaga bersama<sup>2</sup> mereka berniaga dan oleh yang demikian nilai<sup>2</sup> ethika dan norma mereka berkait-kaitan sa-hingga menjadi satu sistem buat kepada semua. Sudah tentu ini bukan-lah satu chara "cultural co-existence" atau syncretism, tetapi satu chara hidup yang tulin yang dapat diterima dan dapat di-mengerti oleh semua pehak.

Nyata sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, apabila British datang kemari, mereka datang bukan untuk membeli beras, tetapi untuk berniaga dengan ahli<sup>2</sup> peniaga tempatan. Penjajah yang sampai kemari mendapati orang<sup>2</sup> bumiputra dan bukan-bumiputra bersatu-padu dan mengamalkan bersama satu chara hidup yang hampir sama. Mereka menggunakan satu bahasa yang sama dan kerana ia-nya di-gunakan oleh pedagang<sup>2</sup>, bahasa ini berkembang menjadi lingua-franca di-Gugusan Pulau<sup>2</sup> Melayu. Mereka mempunyai di-dalam bahasa ini berbagai<sup>2</sup> seni kata dan nyanyi<sup>2</sup>an dan mereka menari tari<sup>2</sup>an yang sa-rupa bahkan wanita<sup>2</sup>-nya memakai pakaian yang agak sama, memasak

serta membuat berbagai<sup>2</sup> kueh-mueh yang sa-rupa—dan semua-nya ini menganggap sa-bagai kepunyaan mereka bersama.

Maka dengan bertapak-nya Inggeris di-sini, satu perombakan kepada keadaan budaya dan sosial berlaku di-negeri kita dan di-Borneo. Sistem "Indirect rule" yang di-lakukan oleh British tidak boleh membenarkan kuasa politik dan ekonomi kedua<sup>2</sup>-nya berada di-tangan orang<sup>2</sup> Melayu. Rancangan pertanian yang mempunyai muslihat telah di-lancarkan oleh mereka dengan melindungi niat yang sa-benar ia-itu mendorong orang<sup>2</sup> Melayu yang berdagang agar meninggalkan perdagangan-nya dan men-champori kumpulan tani yang pada masa itu di-manja<sup>2</sup>kan. Oleh yang demikian maka beransor<sup>2</sup> lenyap bahasa Melayu di-bidang perdagangan, sa-hingga akhir-nya bahasa Melayu itu hanya menjadi bahasa di-gunakan di-kalangan Istana dan tani.

Maka beribu<sup>2</sup> orang mendatang di-bawa masuk ka-negeri ini dari China dan India untuk mengerjakan kekayaan negara, dan gerakan ini di-giatkan lagi antara tahun 1920-1940 ia-itu during Inter-War Years, dan peniaga<sup>2</sup> kecil dan komprado<sup>2</sup> ada-lah sekarang terdiri dari orang<sup>2</sup> bukan Melayu, dan perniagaan<sup>2</sup> serta lombong<sup>2</sup> Melayu di-ambil alih oleh sharikat<sup>2</sup> yang di-mileki dan di-kendalikan oleh orang<sup>2</sup> luar. Bahkan buroh<sup>2</sup> kasar pun untuk membena jalan di-datangkan dari India, dan yang aneh-nya—saya sebutkan di-sini satu Kertas yang saya jumpa di-Perak pada tahun 1800—ta'ingat, kata-nya: "Chukai sa-banyak \$2.00 sa-orang boleh di-kenakan ka-atas semua orang Melayu, tempatan atau dari luar, kira-nya lelaki dan berumur lebeh dari 15 tahun. . . . Pendapatan yang di-perolehi dari चुकai kepala ini akan menolong membiayai belanja membawa masuk buroh<sup>2</sup> India untuk kerja raya". Itu yang aneh-nya. Ini saya quote daripada satu Kertas Kerja di-dalam Kerajaan Perak. Boleh tengok dalam Perak papers. \$2.00 orang Melayu kena bayar untuk mem-bawa orang India bekerja ka-mari.

Apakala dasar memasokkan beramai-ramai orang asing itu mendapat tentangan yang hebat dari Raja<sup>2</sup> Melayu, Baginda semua telah di-beri pengakuan bahawa orang<sup>2</sup> mendatang ini di-bawa masuk hanya sa-bagai satu langkah sementara untuk mengerjakan kekayaan negara. Undang<sup>2</sup> dan peratoran

telah di-adakan untuk memisahkan gulongan<sup>2</sup> ini dalam alam keliling dan pekerjaan yang berlainan<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, orang<sup>2</sup> yang men-datang yang masuk ka-sini antara tahun 1920-1940 yang saya sebut tadi bertembung dengan satu budaya dan satu bahasa yang terdapat di-kalangan orang<sup>2</sup> Melayu dan Baba<sup>2</sup> yang bukan Melayu dan mereka ini, tanpa memahami latarbelakang ini mereka terus menganggap bahawa bahasa ini, kebudayaan dan budaya ini bahasa Melayu, budaya Melayu, sa-balek-nya pula sa-bagai satu antithesis terhadap sikap kaum<sup>2</sup> yang mendatang tadi yang mengagong<sup>2</sup>kan kebudayaan-nya sendiri, maka orang<sup>2</sup> Melayu sendiri pula terus menerima takrifan ini. Umpama-nya, sungguh pun ada yang tidak mahu mengaku bahawa ronggeng itu asal-nya dari Portugis tidak dapat di-nafikan pengaruh Portugis begitu mendalam, tetapi tarian ini terus di-anggap sa-bagai tarian Melayu. Sa-patut-nya ia-nya ada-lah tetap sa-bagai satu bukti budaya yang di-punyai oleh semua bangsa yang tinggal pada masa itu. Jadi yang saya sedeh sa-kali, dan kasehan ia-itu gulongan Baba tadi tiba<sup>2</sup> mendapati diri mereka di-sini pun tidak di-sana bukan! Ayam pun tidak, itek pun bukan.

Tuan Yang di-Pertua, Peperangan Pacific menukar semua keadaan ini dan aliran sejarah. Pengakuan tadi yang di-beri bahawa orang<sup>2</sup> mendatang ini akan pulang ka-negara asal-nya sudah menjadi mungkir dan berakhir pula dengan satu keadaan baharu. Munchul Malayan Union yang kita semua tahu pada masa sekarang sudah menjadi arwah, dengan munchul-nya Malayan Union munchul pula satu konsep warganegara, maka konsep warganegara ini di-tentang hangat oleh orang<sup>2</sup> Melayu pada masa itu. Tetapi dengan menyedari kenyataan dan penoh bertanggung-jawab dan penoh dengan pengurbanan dari pihak orang<sup>2</sup> Melayu maka akhir-nya konsep warganegara ini di-terima.

Jadi kaum Melayu, kaum yang asal ber-kuasa, yang definitive yang menyedari hak<sup>2</sup> asasi mereka dan pada masa itu mendapat peransang inspirasi dari perkembangan politik di-Indonesia, sudah mula melahirkan hasrat mereka untuk mendapatkan sa-mula kemerdekaan bagi negara ini. Kemudian idea kemerdekaan merebak pula di-kalangan orang<sup>2</sup> bukan-Melayu, saya rasa pada awal tahun<sup>2</sup> lima-puluhan. Konsep kemerdekaan ini menjadi matlamat yang terulung—menjadi

matlamat yang terulung dalam sistem nilai semua kaum warganegara, dan keutamaan bersama ini-lah menjadi satu perikatan, satu pengikat untuk menyatu-padukan ra'ayat. Nilai ini-lah yang memenangi kemerdekaan kita dari tangan penjajah British pada tahun 1957; dan nilai ini juga yang menewaskan pengganas komunis; dan nilai ini juga yang membentok Malaysia; dan nilai ini juga yang menentang dengan perkasa dan berani konfrantasi regim Sukarno; dan yang mematahkan tuntutan Filipina ka-atas Sabah. Jarang<sup>2</sup> benar, Tuan Yang di-Pertua, satu<sup>2</sup> negara yang begitu muda terpaksa menghadapi dalam satu jangkamasa yang begitu singkat, sa-bagitu banyak dan beranika chubaaan yang mengugut kemerdekaan-nya. Keazaman ra'ayat Malaysia mempertahankan kemerdekaan sa-bagai nilai bersama yang mengikat kita tadi telah di-uji dan di-chanai.

Dan di-dalam proses mengisi kemerdekaan kita, negara telah maju dan ma'amor di-sisi perkara<sup>2</sup> yang tertentu, umpama-nya undang<sup>2</sup> yang adil, pentadbiran yang cekap, diversification of agriculture, ia-itu pelbagai pertanian dan memesatkan perindustrian. Pada ketika itu juga telah pun di-sedari bahawa negara sa-harus-nya bersatu-padu kira-nya negara mahu mengekalkan kemajuan dan kema'amoran-nya. Kerajaan pada masa itu menginsafi bahawa sa-bagai hasil polisi pemerentahan penjajahan Inggeris dahulu, kaum<sup>2</sup> di-negara ini hidup berasing<sup>2</sup>-an dan terdapat ketidak-saimbangan ekonomi antara orang<sup>2</sup> Melayu dan bukan Melayu, dengan pendapatan yang berlainan<sup>2</sup>, yang berbeza<sup>2</sup>. Orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu kebanyakan-nya tinggal di-bandar<sup>2</sup>, menjadi peniaga<sup>2</sup> kechil atau peniaga<sup>2</sup> terkemuka dalam bidang<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan, dalam profession dan kewangan, sementara itu kaum<sup>2</sup> Melayu kebanyakan-nya berada dalam gulongan yang rendah pendapatannya, dan di-dalam bidang ekonomi di-desa sa-bagai petani dan nelayan. Pada ketika itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat oleh kerana ketidak-saimbangan dalam ekonomi ada-lah faktor yang paling nyata sa-kali yang memecah-belahkan masharakat, proses membena negara harus-lah berlandaskan kepada keutamaan untuk meninggikan pendapatan orang<sup>2</sup> Melayu.

Kerajaan pada masa itu perchaya dan memperchaya<sup>2</sup> bahawa sa-kira-nya pergeseran antara kaum dapat di-tumpulkan ranjau-nya maka akan timbul-lah ketenteraman di-antara bangsa dan kaum dan perkara ini boleh di-

perhasilkan dengan chara hanya meninggikan pendapatan orang<sup>2</sup> Melayu sa-imbang dengan bangsa<sup>2</sup> lain. Justeru, lahir-lah satu ranchangan, ranchangan pembangunan luar bandar yang dinamis, yang imaginatif, yang bertujuan meninggikan pendapatan dan kemewahan ekonomi orang<sup>2</sup> Melayu, yang kebanyakan-nya berada di-desa dan di-luar bandar dan sa-lepas beberapa tahun ranchangan ini menjadi satu kesah kejayaan yang paling chemerlang dari segi pembangunan luar bandar, di-bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, dan ranchangan ini terkenal serta terpuji di-seluruh dunia.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apakala sorak "Merdeka" telah hilang hikmat-nya, dan apakala anchaman terhadap keutohan negara kita telah luput, nilai yang saya katakan tadi, nilai bersama yang mengikat kita mula<sup>2</sup>-lah pudar. Nyata-lah bahawa dasar hendak meninggikan pendapatan orang<sup>2</sup> Melayu tidak berjaya untuk menumpulkan ranjau anchaman antara kaum. Bahkan ranchangan hendak meninggikan pendapatan orang<sup>2</sup> Melayu di-desa<sup>2</sup> telah di-kelirukan serta di-salah-gunakan untuk melahirkan perasaan dengki dan shak-wasangka antara kaum. Hasil ranchangan untuk mendirikan satu asas ekonomi tidak langsung di-beri sanjungan yang sa-wajar.

Sa-baik sahaja sorak merdeka hilang maya-nya untuk menyatu-padukan ra'ayat, sa-bagaimana saya katakan tadi, banyak pula seruan<sup>2</sup> baharu keluar, di-lahirkan, yang konon-nya menggambarkan idaman ra'ayat Malaysia. Gelanggang politik bergema dengan jeritan "Malaysia Berjaya", "Malaysian Malaysia", "Equality" dan sa-bagai-nya.

Namun, kata<sup>2</sup> seruan ini pada lain orang lain pengertian-nya, tanpa bertemu dari segi pemikiran, tanpa melahirkan perasaan sanubari yang berlandaskan kepercayaan dan tanggapan yang bersama. Kata<sup>2</sup> ini sadikit pun tidak mempunyai nilai<sup>2</sup> yang menyatu-padukan ra'ayat, macham perkataan "Merdeka" tadi.

Jadi, di-dalam tahun 1969, Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat Malaysia terkeliru sa-kali di-sebabkan oleh slogan<sup>2</sup> ini. Ra'ayat Malaysia tidak lagi mempunyai idaman bersama dan tidak lagi mempunyai matlamat bersama dan ra'ayat Malaysia tidak lagi mempunyai perasaan timbang-menimbang terhadap bersama. Masing<sup>2</sup> skeptikal sa-kali

sa-hingga mereka lumpoh dan melumpuhkan semangat masyarakat. Jadi, pengalaman pahit pada bulan Mei tahun itu juga membuktikan bahawa tidak-lah memadai untuk mengadakan kemajuan sa-kadar lebeh maju daripada yang lalu; satu<sup>2</sup> rancangan yang hanya sa-nya untuk menumpolkan ranjau anchaman antara kaum tidak memadai. Justeru, mustahak-lah bagi kita untuk menchipta satu sistem nilai yang baharu yang akan menjadi asas menyatu-padukan masyarakat kita yang berbilang kaum ini. Nilai<sup>2</sup> ini-lah akan memuaskan kehendak dan kepentingan masing<sup>2</sup> golongan yang akan membolehkan semua kaum berchantum dan saling mempengaruhi antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya kadang<sup>2</sup> melatah dalam bahasa Inggeris pula, berchakap dalam bahasa Inggeris.

Jadi Peristiwa 13 Mei memberikan kita peluang untuk merenong dan meninjau hal keadaan negara, saya rasa, boleh jadi buat kali yang akhir-nya.

May the 13th gave the nation the time to pause and the time to ponder—perhaps for the last time.

Malaysians from all walks of life, men and women selected for their integrity, perception and imagination, gathered in this very Hall, in the illustrious Chamber, in a body called the National Consultative Council. They have frankly faced the stark realities of the nation's problems and the nation's needs. They deliberated, I remember very well, with courage and conviction and wisdom and, in the end, produced a document—the Rukunegara. This is one of the most useful efforts in the programme of our nation building. The Proclamation of the Rukunegara says that:

- “Our Nation, Malaysia, being dedicated—
- to achieving a greater unity of all her peoples;
  - to maintaining a democratic way of life;
  - to creating a just society in which the wealth of the nation shall be equitably shared;
  - to ensuring a liberal approach to her rich and diverse culture traditions;
  - to building a progressive society which shall be oriented to modern science and technology;

Maka kami, ra'ayat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami

untuk mencapai chita<sup>2</sup> tersebut berdasarkan atas prinsip<sup>2</sup> yang berikut:

- Keperchayaan kapada Tuhan
- Kesetiaan kapada Raja dan Negara
- Kelurohan Perlembagaan
- Undang<sup>2</sup> Kesopanan dan Kesusilaan”

So, the Rukunegara, Sir, conceptualises for all of us, the deep yearnings of all of us, all Malaysians—the yearnings which had hitherto only been expressed in a sundry of slogans. In Rukunegara, for the first time, we are able to envision the society, the masyarakat which we really want for ourselves and for generations to come.

It is clear that to arrive at a society which we envision we must embark on a number of programmes and plans—we must have economic plans, we must have educational plans and we must have cultural plans—but all these must dovetail at a single national objective as spelt out in the Rukunegara.

Mr President, Sir, as I had said elsewhere, the main characteristics of Rukunegara is the emergence of a new attitude based on conscious thoughts emphasising a rational, even if abstract, structure of law and order. Now, particularistic and emotionally loaded claims have given way to rational relations with a view to creating a society in a state of permanent, not temporary, in a state of permanent togetherness, not as congeries of peoples and cultural groups and not dumped together, as if we are all here by accident.

The basis of that integrative process is, Sir, the value of solidarity and not of power.

So, the birth of the new economic policy is the direct consequence of this unity orientated drive which has, as its first objective, the eradication of poverty irrespective of race. The other objective, no less important than the first and which should be simultaneously implemented with equal vigour, is the decompartmentalisation of the Malaysian society without dehumanising it.

These two prongs as has been clearly spelt out in this book, are mutually reinforcing and they are certainly not mutually exclusive. They are complementary. We have said just now it has been proved to be inadequate as a measure to blunt the edges of conflict between the races simply by correcting the economic imbalance in the form of increased income for the Malays within their agricultural compartment. Nor it is enough that only

the edges of conflict should be blunted to achieve greater unity amongst our people on the basis of no more than racial peaceful co-existence. We must, on the other hand, seek to achieve a greater unity amongst our people on the basis of shared valuational system, which is the only basis, Sir, I say, for an enduring relationship and which is the only basis for a durable relationship. For the cultural and ethical values to be rearranged it is necessary that the society should be restructured that this book we think that 30% of the commercial community at all levels and in all categories of operation should be composed of the indigenous people.

The successful implementation of this plan over a period of, say, twenty years, satu jenerasi will create a Malaysian society in which the races will be less identified with vocations and environments and will be less identified with social groups. They will be interacting among themselves in purposeful inter-relations.

Mr President, Sir, guided by Rukunegara, these changes in vocations and environments will cause the emergence of a new system of values and a new system norms providing for a new solidarity-based social behaviour and social order which we believe is a result of calculated and conscious plan.

In a compartmentalised society, Sir, as we are today, each group adheres to its own priority of cultural values. The urban or commercial community, and, in the present context, Sir, if I may be forgiven to say so, the Chinese will certainly place economic values as the dominating value, while the Malay, who is compartmentalised in the rural sector, will objectify and place very highly the "expressive" aspect—I think I have got the right word,—the expressive aspect of the cultural values. For example, all we need to do is perhaps to visit the Lake Gardens on a Sunday afternoon and we are sure to find the place crowded with Malays. Now, this manifests the word I used just now, the "expressive" aspect of the priority of Malay values which in his case is aesthetic, conditioned by vocational and conditioned by environmental influences. It is, of course, perfectly fine, perhaps extremely desirable, for our people to enjoy an evening, an afternoon in the Lake Gardens, to watch the birds and the bees and the flowers. But it is certainly not desirable, Sir, that only the Malays should go there to enjoy the place

while the others go there to make money. What we want to see is a situation where people of all races go there, some of whom to enjoy the birds and the bees, and the others go there to make money.

For so long as the Chinese and the Malays live in this splendid cultural apartheid, each adhering to their own priority in values in accord with their compartmentalised vocations and environments, so long will it be impossible to bridge the differences in mentality, no matter how voluminous a book on mental revolution is required of them to read and study.

It is the participation in the same value orientation, conditioned by mutual contacts and exposure to the same environment, which will synthesise and reorder the value systems in the culture of each racial group. The Malaysian identity will be characterised by its shared values, whether economic or aesthetic, in the order of priorities acceptable to all citizens, or to most of them at least, and in a system of purposeful relations with common consciousness of the goal, for the achievement of which Malaysian citizens will be prepared to make sacrifices.

Now, it has been spelt out clearly, in this Plan, Sir, that the two prongs are equally important and should be simultaneously implemented. In the past few months there has been exhaustive explanations by the Government in respect of the second prong—namely the programme for the restructuring of society. This was done not because the second prong was more important than the first, which is the eradication of poverty irrespective of race, but because the concept of the restructuring of society is novel and therefore requires a greater elucidation. We need to prepare the minds of the people in order that the plan, this plan, would be better understood and better appreciated—even outside this Chamber.

It is, therefore, wrong, Sir—and indeed mischievous—as I have learned, at some point, for any one to read into this as a plan which is intended only for the Malays at the expense of the non-Malays. Let me say this: it is equally wrong for the Malays to regard the Plan as a licence for easy riches and wealth. Rather it is to provide opportunities and facilities for those who are prepared to labour and pioneer into the world of commerce and industry, in the context of building

a united Malaysian nation as envisioned in Rukunegara.

Let me say once again most emphatically, Sir, that the second prong has no relationship whatsoever with the aim of increasing the incomes of the Malays. What the Plan envisages is the manner by which society should be restructured and this must necessarily concern the Malays and the indigenous people. Indeed, in that process of change, the incomes of some might be adversely affected. And to ensure that those who are adversely affected will not revert to their previous vocations, the Plan provides for a number of measures.

Tan Sri President, Sir, since the Plan to decompartmentalise society is of such importance for our future wellbeing, the Government will not hesitate to change laws and regulations, to create new institutions and to promote programmes for the realisation of this aim. And similarly, the Government would not hesitate to take stern measures against those who, by claiming or insinuating that this programme is racially biased, as if it is intended to benefit and enrich only one particular race, generate rancour and ill-will between the communities. Now, the full force of the law would be brought upon those persons who exploit sensitive issues as enemies of the society, as people who advocate the continuation of a divided country and the perpetuation of the colonial policy.

On the other hand, Sir, the programme for the eradication of poverty, which is the first prong, is a programme to improve incomes, a programme to narrow the gap between the haves and the have-nots. It is a programme which recognises neither race nor creed. It is an overarching programme, transcending the races with one single aim—namely the destruction of poverty. This prong, Sir, will ensure the resolution of the unemployment problem in both urban and rural areas. It will provide for the promotion of higher incomes for all. It will include housing programmes and the construction of more schools, hospitals and other community and social services. Thus, in all these measures, there will have the effect of improving real incomes among the poor, thereby reducing and ultimately eradicating poverty.

Tuan Yang di-Pertua, Permodanan sektor desa mustahak bukan sahaja untuk membasmikan kemiskinan, tetapi juga untuk

menyusun sa-mula masyarakat kita. Jadi pada peringkat awal-nya proses permodanan yang di-ranchangkan di-dalam ranchangan ini ia-lah memperkenalkan sains dan teknologi moden di-dalam aktiviti<sup>2</sup> desa dan mengadakan segala kemudahan di-kawasan<sup>2</sup> desa agar penghidupan dan pekerjaan di-desa bukan sahaja lebeh berhasil dan beruntung, bahkan juga lebeh memuaskan dalam zaman harapan ini. Proses ini bukan sahaja melibatkan pengenalan beneh<sup>2</sup>, atau bibit<sup>2</sup> baharu dan penggunaan<sup>2</sup> chara<sup>2</sup> moden di-dalam pertanian, bahkan juga memperluaskan aktiviti<sup>2</sup> pembikinan dan aktiviti perniagaan di-kampung<sup>2</sup> dan di-desa<sup>2</sup>. Kedua<sup>2</sup> aspek ini akan melibatkan ekonomi kewangan dan menggerakkan sektor ekonomi yang sekarang kaku kepada satu tenaga yang dinamis di-dalam ekonomi nasional kita. Faedah proses ini ia-lah perubahan-nya ia-itu di-desa, perubahan dari eknomi kais pagi makan pagi kepada chara hidup yang berdasarkan pemasaran hasil.

Sa-benar-nya perubahan<sup>2</sup> ini ta' dapat tidak akan membawa kepada perubahan<sup>2</sup> dalam sistem nilai orang<sup>2</sup> Melayu di-desa, dan bersama<sup>2</sup> dengan saudara<sup>2</sup> mereka dari kaum China yang sa-memang-nya melaksanakan ekonomi pasaran, kalau dia tanam benda itu bukan hendak makan, dia tanam hendak jual, dapat-lah meranchang satu chara hidup melalui kaca mata yang sama. Di-dalam ranchangan ini satu chara yang komprehensif di-perlukan meliputi ranchangan pengajaran dan ranchangan pendorongan (excellerater programme) dan juga kemudahan pemasaran (marketing facilities) yang menchukupi. Dan segala faedah hasil dari segi ini akan di-dapati dan juga di-bandar<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira elok-lah saya menjelaskan di-sini sedikit berhubung dengan ada kechurigaan yang seringkali di-suarakan tentang pengaliran beramai<sup>2</sup> dari desa ka-bandar (exodus). Izinkan saya mengatakan bahawa ini sudah menjadi satu kenyataan ekonomi yang tidak dapat di-elak dan yang asas bahawa apakala ekonomi berkembang, malah kira-nya ia-nya mahu berkembang dengan chara yang dinamis, maka akan berlaku-lah pengaliran manusia dari aktiviti<sup>2</sup> pertanian—mengalir dari ladang<sup>2</sup> dan sawah<sup>2</sup> di-mana terdapat kelebihan tenaga kerja, dan ini-lah yang akan menjadi asas pengeluaran kerana dengan chara permodanan ini di-harapkan

pendapatan yang lebih tinggi akan diperolehi. Dan ini-lah juga yang menyebabkan tenaga<sup>2</sup> kerja yang berlebihan dari desa yang akan membolehkan lebih ramai lagi orang<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra lain memasuki lapangan perdagangan dan perusahaan moden di-bandar<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita timbangkan tujuan<sup>2</sup> pelan ini memang tujuan<sup>2</sup>-nya baik sa-kali. Tujuan untuk menghapuskan kemiskinan—kita dapat sokongan dengan 100%; tujuan untuk meninggikan darjah hidup berbagai<sup>2</sup> golongan—baik sa-kali; tujuan untuk memajukan penyelidekan dan pelajaran di-negeri kita—baik sa-kali; tujuan untuk menumbuhkan lagi penghidupan iktisad negeri kita ini—baik; tujuan<sup>2</sup> yang baik ini tidak dapat kita sangkal dan tidak perlu juga kita perbahathkan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana telah di-buktikan dalam sejarah pemikiran manusia dari berbagai tempat di-dunia, di-dalam sejarah ugama—macham<sup>2</sup> sejarah—tidak pernah di-takdirkan oleh Tuhan bahawa untuk menchapai sa-suatu tujuan itu hanya ada satu jalan.

Apa sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil, sa-lama-nya ada berbagai jalan. Kalau kita hendak makan ada macham<sup>2</sup> makanan, tetapi tujuan-nya sama—ingin hidup; kalau kita hendak mati pun ada berbagai jalan mati—ada mati membunuh diri, ada mati daripada tua, ada mati sakit, demikian juga tujuan umpama-nya untuk kita berumah-tangga, tujuan hendak memininang sa-orang gadis, tujuan itu sama dan baik, tetapi chara<sup>2</sup>-nya lain. Ada chara yang halus ada chara yang kasar, ada chara yang tepat, ada chara yang tidak tepat. Walau pun, Tuan Yang

di-Pertua, dari segi tujuan tidak dapat kita sangkal, jalan untuk menchapai-nya tidak hanya satu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, tujuan<sup>2</sup> untuk meninggikan darjah hidup masyarakat Melayu dan bumiputra; tujuan untuk meninggikan lagi tingkatan ke'adilan masyarakat yang terdapat di-negara ini, bukan-lah tujuan baharu. Kalau kita tengok sahaja daripada akhir kurun ka-sembilan belas, sudah di-bahathkan soalan<sup>2</sup> ini oleh beberapa penganjor<sup>2</sup> Melayu dan penganjor<sup>2</sup> Muslimin dan di-beberapa majallah di-tahun tiga pulohan ada juga perbahathan<sup>2</sup> tentang soal ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malang-nya kesedaran yang'am hanya baharu bangkit sa-sudah kemerdekaan, hanya sekarang di-rasa'i betul<sup>2</sup> oleh mereka yang memegang tampok kekuasaan bahawa keadaan masyarakat Melayu ini merosot, keadaan bumiputra merosot bahkan di-sini, ingin saya tambah, makin merosot sa-makin hari. Baharu sekarang sahaja di-sedari sa-chara besar<sup>2</sup>an, baharu sekarang di-bahathkan di-mana<sup>2</sup>, baharu sekarang di-masokkan dalam peranchangan<sup>2</sup>. Soal mengubah sikap, soal revolusi mental, soal re-structuring of society, apa Yang Berhormat Menteri tadi sebut ada-lah soal lama. Pokok sudah tumbuh bertahun<sup>2</sup>, kelapa sudah berkurun<sup>2</sup> jatuh, baharu sekarang kita dengar. Bukan salah keadaan sa-keliling. Yang mendengar-nya yang salah, melihat yang salah. Apa yang nyata tidak langsung di-lihat dan tidak langsung di-dengar. Tuan Yang di-Pertua, chukop-lah saya di-sini menerangkan bahawa di-negeri<sup>2</sup> lain soal ini sudah berkurun<sup>2</sup> di-bahathkan, soal keadaan ekonomi. Pengaruh keadaan ekonomi di-kalangan hidup masyarakat sa-hari<sup>2</sup>, sudah di-bahathkan di-kalangan kita umat Islam-nya dari kurun ka-enam belas. Penoh perbahathan<sup>2</sup> ini dalam kitab Ibnu Khaldun. Ini bukan soal lama, Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang penting sekarang, ia-lah chara dan persiapan<sup>2</sup> yang sudah kita selenggarakan untuk menchapai tujuan<sup>2</sup> itu. Chara-nya bagaimana, Tuan Yang di-Pertua. Dalam soal chara ini banyak sa-kali kelemahan<sup>2</sup> Rancangan Malaysia Kedua ini.

Kelemahan yang pertama, kurang terang dan tidak chukop perlengkapan berkenaan dengan keadaan sa-benar-nya. Umpama-nya kalau saya sa-orang doktor, sa-belum saya mengubati sa-orang yang sakit, perlu saya mengadakan diagnosis. Diagnosis itu mesti tetap. Kalau diagnosis salah, pengetahuan

saya kurang tentang sa-orang yang sedang mengidap penyakit itu. Maka chara perubatan saya pun kemungkinan besar akan menyeleweng. Dengan kekurangan pengetahuan tentang keadaan sa-benar-nya, apa sa-betul-nya masalah yang sedang kita hadapi ini, dengan kurang pengetahuan yang demikian ini, ranchangan<sup>2</sup> yang di-hidangkan nanti menyeleweng sa-bagaimana ranchangan<sup>2</sup> yang sudah<sup>2</sup>.

Maksud saya di-sini, Tuan Yang di-Pertua, hanya-lah untuk membangkitkan kesedaran yang lebeh mendalam lagi berkenaan dengan menyusun dan membentok Rancangan Malaysia Kedua ini dan saya berkewajipan di-sini memberi bukti<sup>2</sup>, memberi dalil<sup>2</sup> daripada Buku Rancangan Malaysia Kedua ini. Tuan Yang di-Pertua, perangkaan yang digunakan dalam pelan ini ada yang betul, ada yang tempang, ada yang berat sa-belah. Sa-bagai ibarat, Tuan Yang di-Pertua, kita menentukan sikap kita menilai sa-saorang itu, fikiran dan akhlak sa-saorang itu, dari apa yang di-perbuat, apa yang di-ucapkan oleh sa-saorang itu dan juga daripada apa yang tidak di-perbuat dan tidak di-ucapkan.

Kembali kepada segi ugama, Tuan Yang di-Pertua, sa-orang itu konon-nya baik kerana tidak pernah mengumpat orang. Ini berarti penilaian kita bahawa sa-orang itu baik didasarkan atas apa yang dia tidak ucapkan, tetapi kalau umpama-nya kita kata dia tidak pernah menerima salah, dia tidak pernah tobat. Ini tidak baik dan juga di-dasarkan atas apa yang dia tidak ucapkan. Jadi ada kala-nya yang tidak di-ucapkan itu baik, ada kala-nya yang tidak di-ucapkan itu tidak baik. Jadi demikian juga dalam Rancangan Malaysia Kedua ini ada butir<sup>2</sup> yang berguna yang di-terangkan kepada kita, ada yang mustahak di-terangkan, tidak di-terangkan dan ada yang tidak mustahak di-terangkan, di-terangkan. Sa-bagai chontoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kedua ini di-sebut di-situ bahawa kesempatan bekerja masyarakat Melayu sudah bertambah. Penganggoran di-kalangan masyarakat Melayu tambah kurang kerana tambah-nya pekerjaan<sup>2</sup>. Betul, Tuan Yang di-Pertua, tidak akan kita sangkal, tetapi pengetahuan ini tidak di-dampingi oleh pengetahuan sa-jenis itu juga berapa banyak penganggoran Melayu yang bertambah. Sa-demikian tambah bekerja, sa-demikian tambah menganggor, baharu tidak tempang perangkaan itu. Kalau kita hanya menggunakan satu perangkaan

dan tidak di-gunakan pula perangkaan yang lain, itu berarti perancangan kita ini berat sa-belah. Yang mustahak kita mengetahui juga berapa banyak tambah-nya pengang-goran<sup>2</sup> di-kalangan masyarakat Melayu kerana dalam tujuan Rancangan Malaysia Kedua ini masyarakat Melayu, keadaan masyarakat Melayu merupakan satu tujuan yang mustahak sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kajian pula, kajian ini, sangat menghairankan bagi saya, sebab-nya yang di-kaji itu banyak yang tidak ada hubungan satu sama lain. Kalau, Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan saya di-sini menyatakan satu pepatah, satu pantun:

Lain sentoh lain lenggang,

Lain tepok lain gendang.

Ta'ada hubungan satu sama lain. Masaalah, umpama-nya ekonomi tidak tepat di-hubungkan dengan masaalah<sup>2</sup> perubahan mental. Masaalah pembukaan<sup>2</sup> tanah tidak chukop di-kaji sa-chara mendalam hanya tujuan<sup>2</sup> yang di-nyatakan dan apa yang sudah di-buat itu di-beritahukan kepada kita. Tingkat kajian itu tidak mendalam. Oleh kerana tingkat kajian tidak mendalam, tidak sampai ka-dalam mereka itu menyelam. Kita pun tidak tahu apa yang sa-betul-nya akan terdapat di-bawah laut. Butir<sup>2</sup> yang akan terbongkar nanti kita tidak mengetahui. Dan sa-bagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam lapangan janji. Tujuan-nya bahawa dalam masa 20 tahun, 30% daripada masyarakat Melayu dan Bumiputra di-harap akan berada dalam bidang indasteri, bidang perusahaan dan bidang perdagangan.

Pertama sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah patut kita menganggap tujuan demikian itu satu tujuan yang sunggoh<sup>2</sup>. Kalau tujuan itu bukan tujuan yang patut di-anggap sunggoh<sup>2</sup> dengan erti, Tuan Yang di-Pertua, "serious" mengapa kita masokkan dalam Rancangan Malaysia Kedua tadi. Sa-orang ahli phailusof Islam, Imam Ghazali pernah membagikan pengetahuan itu terhadap tiga jenis. Satu jenis kata-nya pengetahuan yang wajib dan baik di-ketahui oleh manusia. Ini termasuk pengetahuan tentang ugama, pengetahuan tentang ilmu pengetahuan, pengetahuan tentang mathematics dan lain<sup>2</sup>. Satu lagi jenis pengetahuan, kata-nya tidak baik dan juga tidak merbahaya. Contoh yang dapat kita berikan sekarang umpama-nya, pengetahuan tentang main golf. Kalau ada sa-orang daripada ahli masyarakat kita yang betul<sup>2</sup>

ahli daripada ilmu main golf, pengetahuan itu tidak merbahaya dan juga tidak mustahak dan tidak wajib. Ini termasuk pengetahuan yang neutral bidang-nya. Dan pengetahuan yang merbahaya pengetahuan yang berdasarkan atas ramalan<sup>2</sup>. Imam Ghazali memberi sa-bagai contoh kepercayaan orang menanya kepada orang<sup>2</sup> yang ahli nujum untuk meramalkan nasib diri orang itu. Dalam istilah sekarang, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris disebut-nya astrology. Betul tidak astrology yang di-kemukakan itu, kalau kita percaya bahawa kita akan mendapat kemalangan di-dalam waktu yang akan datang, pengetahuan itu akan merbahayakan diri kita. Kita sudah mulai susah daripada sekarang. Demikian juga kalau kita percaya bahawa kita akan mendapat loteri lima tahun sa-sudah sekarang. Pengetahuan itu juga merbahaya untuk diri kita, sebab mungkin kita tidak bergiat usaha. Kita tidak giat usaha perdagangan, kerana sudah yakin dalam beberapa tahun kita akan mendapatkan harta. Jadi, oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, ada hal, ada janji<sup>2</sup> dan pengetahuan<sup>2</sup> tertentu yang tidak patut di-ramalkan sa-olah<sup>2</sup>-nya yang meramalkan itu ahli nujum dan di-hidangkan kepada masyarakat. Ini-lah yang sudah di-buat oleh Rancangan Malaysia Kedua ini. Rancangan Malaysia Kedua ini sudah berjanji dalam waktu 20 tahun 30% anggota masyarakat Melayu dan bumiputra akan terlibat dalam bidang perdagangan dan perusahaan dan perindasterian.

Belum lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita, menanyakan macham mana chara-nya menentukan peratus itu. 30% bila, dari sa'at bila? 30% tahun ini, 30% tahun hadapan, 30% rancangan dalam masa Rancangan Lima Tahun atau 30% dalam masa rancangan 20 tahun. Kalau kita katakan ini 30% dalam rancangan 20 tahun dalam jangka waktu 20 tahun, Tuan Yang di-Pertua, sudah terang kita mesti menunggu 20 tahun sampai kita mengetahui jumlah sa-benar-nya untuk menentukan jumlah peratus itu. Kalau sa-kira-nya di-katakan lima tahun kita sudah mesti menunggu tahun 1975 baharu boleh kita mula untuk menentukan jumlah peratus itu. Kalau umpama-nya di-katakan tahun ini kita mula tahun 1971, jumlah peratus itu tahun hadapan berubah, dua tahun lagi berubah, tiga tahun lagi berubah, lima tahun lagi berubah, Tuan Yang di-Pertua. Akhir-nya kita tidak dapat menentukan jumlah peratus

yang di-janjikan kepada masyarakat. Itu sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, jangan-lah kita lekas<sup>2</sup> memberikan janji. Chukup-lah kita berusaha, chukup kita berniat. Kita berniat meninggikan darjah hidup masyarakat Melayu dan bumiputra dalam bidang ini. Kita berniat untuk membasmi kemiskinan. Usaha sa-boleh<sup>2</sup>-nya dengan tidak perlu kita menjaminkan angka<sup>2</sup> peratus<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah dunia belum pernah terjadi suatu Kerajaan demokrasi menjamin hal yang demikian itu. Bahkan Kerajaan dictator juga tidak berjanji sa-macam perjanjian yang telah di-hidangkan kepada kita ini. Kalau kita ingin merancang demikian tepat sampai jumlah peratus dalam 20 tahun di-tentukan kita akan memerlukan satu sistem pemerintahan yang lain. Kita akan memerlukan satu sistem pemerintahan yang berdasarkan atas dictatorship, sebab hanya dengan dictatorship boleh kita tentukan, sa-kian banyak masok bidang ini, sa-kira banyak masok bidang itu. Apa lagi kalau kita sudah berchita<sup>2</sup> untuk mendirikan kawasan<sup>2</sup> bandar. Ini pernah di-laksanakan oleh pemerintah Soviet Russia sa-sudah revolusi tahun 1917. Mereka pernah menubuhkan bandar<sup>2</sup> baharu, mereka pernah memindahkan penduduk<sup>2</sup> dari satu kawasan kepada satu kawasan yang lain. Bukan tidak dapat di-jalankan; memang dapat di-jalankan, tetapi dengan sistem demokrasi hal ini akan mengikuti hukum<sup>2</sup> perjalanan sejarah yang lain, dan oleh kerana ini jangan-lah kita lekas<sup>2</sup> menentukan jumlah peratus.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya jelaskan soal pengertian tentang perancangan, the concept of planning. Perancangan itu ada dua macham. Yang pertama perancangan jangka pendek sa-bagaimana rancangan dua tahun atau lima tahun. Yang kedua perancangan jangka panjang 20 tahun. Saya setuju sa-kali bahawa negara yang membangun ini perlu mengadakan perancangan, perlu mengadakan perancangan lima tahun dalam beberapa bidang yang agak longgar sedikit supaya boleh di-robah dan di-sesuaikan dengan keadaan<sup>2</sup> yang tertentu di-dalam masa perancangan itu. Saya setuju dengan perancangan, dengan planning sa-bagai am-nya, tetapi ada juga planning yang hanya merupakan satu angan<sup>2</sup>, hanya merupakan satu usaha menghabiskan masa mereka yang di-bayar oleh sa-suatu Kerajaan supaya dapat keluar dengan buku.

Tuan Yang di-Pertua, ada-kah negara Amerika pernah mempunyai Five-Year Plan atau Twenty-Year Plan? Negara Amerika Sharikat tidak pernah mempunyai planning demikian. Inggeris tidak pernah ada rancangan<sup>2</sup> yang demikian. Negeri Jepun juga tidak ada Development Plan. Inggeris tidak ada Development Plan. Negeri Scandinavia tidak ada Development Plan. Mereka itu tampil kemuka di-dalam sejarah manusia, dalam sejarah kemajuan dengan tidak menggunakan Development Plan sama sa-kali. Ini menunjukkan bahawa dari segi kemajuan jangka jauh Development Plan itu belum tentu mustahak. Yang mustahak Development Plan jangka pendek Lima Tahun, bukan Development Plan 20-30 tahun. Malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun Rancangan Malaysia Kedua ini disebut Pelan Lima Tahun, tetapi angka<sup>2</sup>-nya 20 tahun. Di-hidangkan kepada kita satu Rancangan Lima Tahun, tetapi sa-betulnya di-tujukan merobah suatu masyarakat dalam 20 tahun, sebab telah di-terangkan dengan jelas sa-kali, kita bertujuan merobah keadaan masyarakat kita di-sini dalam 20 tahun sa-hingga 30% daripada penduduk negeri ini akan memasoki bidang<sup>2</sup> tertentu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita di-ikat kepada satu usaha yang meliputi 20 tahun, tetapi perancangan usaha itu hanya terhad kepada lima tahun. Dan di-sini terdapat suatu unsur yang bertentangan di-dalam pelan ini, ia-itu satu tujuan bertentangan dengan tujuan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah ini ia-lah masaalah yang mustahak sa-kali dan yang perlu di-fikirkan dengan teliti. Tidak-kah perlu pemikiran ini di-dahului oleh suatu penyiasatan, oleh suatu penentuan dalam bidang mana kita mesti mula? Apa keadaan kita sekarang? Apa-kah tentu bahawa seluruh masyarakat Melayu dan bumiputra akan setuju memasoki bidang<sup>2</sup> tertentu yang sudah di-tentukan di-dalam fikiran perancang<sup>2</sup>. Apa-kah sudah kita mengadakan penyiasatan, mana yang kita perlu dahulukan? Kalau ini belum terjadi, lebeh baik jangan di-janjikan atas dasar peratus dan dua puluh tahun. Janji sahaja berusaha, kita menchuba, berikhtiar, jangan di-tentukan peratus, jangan di-tentukan jangka waktu.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan. Sila sambong.

**Dr Syed Hussein Alatas:** Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya terangkan tadi, ada butir<sup>2</sup> perancangan yang mustahak sa-kali yang tidak di-sebut dan mempengaruhi tujuan muktamad meninggikan darjat penghidupan ra'ayat. Saya di-sini teringat kapada salah satu tujuan<sup>2</sup> itu ia-itu tujuan untuk membuat jambatan dari Seberang Prai ka-Pulau Pinang. Dalam perancangan ini, dalam Rancangan Malaysia kedua ini, tidak di-terangkan dengan sa-chara terang sa-kali tujuan itu, hanya di-sebut pada jangka waktu yang panjang akan di-usahakan suatu perchantoman antara Pulau Pinang dengan Seberang Prai. Apa-kah bentuk perchantoman ini tidak di-terangkan. Apa-kah ini merupakan jambatan, atau merupakan causeway, atau merupakan tunnel, itu sama sa-kali tidak di-terangkan. Dan saya tidak mengambil keberatan kerana ini belum di-terangkan, hanya yang menjadi soal, kenapa hal ini tidak di-jelaskan menurut waktu tertentu. Tidak-kah dapat Rancangan Malaysia Kedua ini menentukan tahun permulaan bekerja untuk membuat perchantoman itu? Dan rancangan ini juga menerangkan bahawa Kerajaan akan menambah, membekalkan lagi lalu-lintas feri. Saya mengerti di-sini akan menambah jumlah<sup>2</sup> feri dan nampak-nya dalam Rancangan Malaysia Kedua ini tujuan untuk membuat jambatan dari Pulau Pinang ka-Seberang Prai ini akan di-selenggarakan dalam masa yang panjang sa-kali, tidak dalam tiga empat tahun ini dan tidak juga di-terangkan waktu mereka akan mula. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, hal yang demikian penting ini patut sa-kali di-terangkan, walau pun usaha itu di-tanggohkan. Patut sa-kali masa penanggohan itu di-tentukan, sampai mana kita akan menunggu. Dengan ini tidak di-terangkan, maka kesempatan pembangunan yang besar sa-kali bagi negeri kita akan di-tinggalkan. Pengaruh-nya kita membuat jambatan, menchantomkan Pulau Pinang itu akan besar sa-kali, dari segi lalu-lintas, dari segi pembangunan ekonomi, dari segi pertumbuhan yang lain<sup>2</sup>, dari segi memberikan pekerjaan kapada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan. Banyak sa-kali hasil<sup>2</sup> yang baik yang akan timbul kalau hal ini tidak di-tanggohkan. Hal yang demikian penting ini kalau di-tanggohkan patut di-beri sebab<sup>2</sup>. Yang Teramat Mulia Tunku, bekas Perdana Menteri, sa-belum pilehanraya tahun 1969 telah menjanjikan

kapada penduduk Pulau Pinang bahawa beliau akan berusaha untuk membuat jambatan. Dan paling sadikit, saya rasa pehak Kerajaan sekarang, perlu menyebut dalam Rancangan Malaysia Kedua ini dengan terang bila waktu Kerajaan akan mulakan usaha itu.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan saya berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kedua ini, oleh kerana butir<sup>2</sup> yang di-atas belum lengkap, perangkaan<sup>2</sup> yang agak tempang di-sana sini, oleh kerana ini semua, maka saya rasa lebeh baik kalau rancangan ini di-timbangkan kembali oleh pehak Kerajaan yang mempersiapkan rancangan ini dan di-hidangkan kembali kapada kita, kalau sudah di-pertimbangkan kembali. Saya rasa, lebeh elok lagi jangan kita bulat<sup>2</sup> terima. Minta di-pertimbangkan kembali supaya rancangan ini lebeh kemas, lebeh sesuai isinya dan lebeh tinggi mutu-nya. Dan soal janji<sup>2</sup> 30% dalam masa dua puluh tahun, ini tidak mustahak di-masokkan di-dalam rancangan dan kalau di-masokkan juga ini akan menunjukkan bahawa mereka yang meranchangkan rancangan ini tidak chukop mahir dalam soal<sup>2</sup> perancangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan ini juga saya amat kechewa bahawa Universiti Pulau Pinang hanya mendapat bantuan \$18,000,000 sedangkan Universiti Kebangsaan dapat bantuan \$40,000,000. Dan \$18,000,000 untuk sa-buah universiti yang baharu, sangat kechil jumlah-nya, apa lagi dalam lima tahun. Kalau membeli buku sahaja, membeli buku untuk perpustakaan, perpustakaan permulaan, mudah sa-kali kita belanja, Tuan Yang di-Pertua, \$4,000,000 dan patut sa-kali Kerajaan memberi jumlah yang lebeh besar daripada jumlah \$18,000,000, mengingat bahawa Universiti Pulau Pinang itu terpaksa bergantung kapada diri-nya sendiri, tidak dapat menggunakan peralatan<sup>2</sup> universiti yang lain sa-bagaimana terjadi di-Kuala Lumpur. Kalau umpama-nya Universiti Kebangsaan baharu di-tubuhkan, dan ada kekurangan dalam berbagai bidang, Universiti Kebangsaan maseh dapat menggunakan peralatan<sup>2</sup> daripada Universiti Malaya, tetapi kalau Universiti Pulau Pinang mempunyai kekurangan<sup>2</sup> tertentu, susah sa-kali mahasiswa-nya itu dapat bantuan daripada universiti<sup>2</sup> yang lain, susah mereka meminjam buku dari Kuala Lumpur. Jadi, oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, elok sa-kali kalau Kerajaan sanggup pertimbangkan

kembali soal jumlah \$18,000,000 ini. Kalau kita menhadangkan satu chadangan yang mustahak dan baik, ini satu pahala besar. Dari pehak Kerajaan juga satu pahala yang luar biasa besar kalau mendengar nasehat<sup>2</sup> yang benar. Jadi, bagi kedua pehak pahala bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya susah, sedeh sedikit juga melihat bahawa dalam Rancangan Malaysia Kedua ini tidak sama sa-kali di-sebut soal rasuah. Apa hubungan-nya soal rasuah dengan pembangunan? Hubungan soal rasuah dengan pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, besar sa-kali, sebab pembangunan memerlukan wang Kerajaan yang besar sa-kali jumlah-nya, dan oleh kerana ini Kerajaan memerlukan, menahan bochor-nya wang. Hasil Kerajaan keluar melalui saluran<sup>2</sup> yang tidak sah. Kalau rasuah itu di-biarkan tersebar bertambah lama bertambah jadi, ini akan mempengaruhi kewangan Kerajaan dan ini akan merosakkan akhlak penduduk<sup>2</sup> negeri kita ini. Apa guna-nya kita berchakap tentang revolusi mental, kita berchakap tentang nilai, tentang robah sikap, tetapi dalam soal yang mustahak sa-kali soal rasuah tidak chukup kita membahathkan-nya soal ini dan tidak chukup kita menunjukkan azam kita untuk membasmi-nya. Dan chara kita membasmi rasuah ini berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kedua ini. Kerajaan patut menambah anggota<sup>2</sup> Badan Penchegah Rasuah, belanja memasokkan di-dalam kursus universiti masaalah rasuah. Patut sa-kali Kerajaan terutama sa-kali Menteri Pelajaran menekan supaya di-dalam Universiti itu di-adakan suatu Jabatan Criminology. Baik kita belanja untuk mencheegah rasuah dan perlu sa-kali kita mengadakan penyiasatan<sup>2</sup> tentang akibat-nya rasuah terhadap masyarakat. Benchana masyarakat yang paling besar sa-kali ia-lah rasuah.

**Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mendapatkan ma'alumat daripada pehak yang berchakap, kalau di-izinkan mengikut peratoran Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampak-nya dia tidak beri jalan.

**Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Saya bertanya dahulu kepada pehak yang berchakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada beri jalan?

**Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Mengikut peratoran Dewan ini boleh sa-orang Ahli itu bertanya untuk mendapatkan keterangan. Kalau Ahli Yang Berhormat bersetuju, saya suka hendak bertanya sedikit.

**Dr Syed Hussein Alatas:** Itu terserah kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka hendak mengingatkan, apabila sa-orang hendak berchakap, apabila orang yang sedang berchakap itu dudok dahulu, baharu dia boleh berchakap. Ada-kah Ahli Yang Berhormat itu beri jalan? Jika ada beri jalan dudok dahulu.

**Dr Syed Hussein Alatas:** Terserah kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dudok dahulu. (*Kapada Nik Hassan*) Apa hendak chakap?

**Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Ahli Yang Berhormat ada berkata supaya dimasukkan kursus berkenaan dengan rasuah ini ka-dalam Universiti Malaya kita. Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu, ada-kah kursus yang sama telah di-masokkan dalam Universiti Singapura pada masa ini?

**Dr Syed Hussein Alatas:** Tuan Yang di-Pertua, saya enggan menjawab pertanyaan itu, sebab pertanyaan itu bukan berkenaan dengan negeri kita sendiri. Bukan tanggungjawab saya untuk menjawab pertanyaan itu. Kalau terhad kepada negeri kita, saya senang sa-kali menjawab-nya.

Tuan Yang di-Pertua, soal rasuah ini—soal Department of Criminology, patut di-masokkan di-dalam tujuan pelajaran tinggi negara kita. Sa-lain daripada itu Rancangan Malaysia Kedua ini patut juga memikirkan dan mengusahakan pembentokan suatu Lembaga Pengkajian Masyarakat—Institute of Social Research. Perlu sa-kali Kerajaan belanja dengan chukup jumlah wang-nya untuk mengadakan kajian<sup>2</sup> persoalan masyarakat yang tetap bukan-nya satu dua tahun, tetapi untuk sa-umur hidup sa-lama<sup>2</sup>-nya. Kita perlu mengadakan kajian<sup>2</sup> masyarakat sa-chara mendalam. Soal ini nampak-nya tidak di-ambil berat oleh pehak yang merancang Rancangan Malaysia Kedua ini. Rupa-nya penyiasatan<sup>2</sup> yang sa-demikian itu di-biarkan sahaja kepada perhatian<sup>2</sup> sementara jabatan<sup>2</sup> tertentu atau pers-orangan<sup>2</sup> tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, yang mustahak sa-kali di-dalam negeri kita ia-lah masaalah hubungan antara suku<sup>2</sup> bangsa di-antara kaum di-negeri kita ini. Yang Berhormat Menteri Dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Pene-rangan tadi juga menerangkan tujuan Ruku-negara. Kita semua menyokong dengan penoh tujuan<sup>2</sup> Rukunegara dan dasar<sup>2</sup> Rukunegara dan salah satu dasar yang penting itu ia-lah menchari sebab yang menyinggong hubungan antara kaum dan menchari jalan supaya muhibbah di-antara kaum<sup>2</sup> yang ada ini bertambah baik. Oleh kerana itu perlu sa-kali di-tubuhkan sa-bagai badan yang tetap, satu Lembaga Pengkajian Masyarakat—Institute of Social Research yang di-biayai oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Pene-rangan menyebutkan tadi beberapa butir<sup>2</sup> tentang sejarah Melaka, bahawa di-masa Kerajaan Melaka pada kurun ke-15 sudah terdapat bahasa kebangsaan itu di-gunakan sa-bagai lingua-franca. Ini betul, bahawa di-situ terdapat penghidupan ekonomi yang melibatkan usaha<sup>2</sup> kaum bumiputra. Memang segi<sup>2</sup> kemegahan daripada sejarah yang lampau itu perlu kita bawa sa-waktu<sup>2</sup> dan perlu kita ulangi sa-waktu<sup>2</sup> sa-bagai satu sumber ilham kepada generation yang akan datang dan generation yang sekarang. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, patut juga kita siasati unсор<sup>2</sup> yang merosak, unсор<sup>2</sup> yang tidak sihat daripada masa<sup>2</sup> yang lampau dan siasati juga apa-kah unсор<sup>2</sup> ini maseh ada tidak di-kalangan masyarakat kita sekarang. Betul, Kerajaan Melaka itu suatu Kerajaan yang dapat di-segani dan di-hormati oleh negara<sup>2</sup> pada masa itu, tetapi sa-bagai chontoh bagi zaman sekarang Kerajaan Melaka itu ia-lah satu Kerajaan feudal. Usaha<sup>2</sup> ekonomi pada masa itu di-monopoli oleh pehak berkuasa. Bukan ekonomi yang timbul dari ra'ayat—monopoli dari atas. Tenaga buroh di-dasarkan atas institusi kerah—buroh paksa.

Sa-lain daripada itu hak terhadap kekayaan negeri berjalan selaras dengan pangkat dan kedudukan dalam masyarakat itu. Makin besar pangkat, makin besar hak-nya itu. Patut sa-kali kita menyiasati sekarang, ada-kah unсор<sup>2</sup> ini maseh hidup di-kalangan masyarakat kita atau tidak? Ada-kah maseh hidup unсор<sup>2</sup> feudalisma jiwa yang mempengaruhi pertumbuhan masyarakat kita sekarang? Kalau umpama-nya unсор<sup>2</sup> ini maseh ada, baik sa-kali kita

ingat apa sebab Kerajaan Melaka itu runtoh. Kerajaan Melaka runtoh bukan kerana kekuatan pehak yang datang menyerang, bukan kerana kekuatan pehak Portugis pada awal-nya, tetapi kerana kelemahan Kerajaan Melaka sendiri. Pada masa itu Kerajaan Melaka dengan Kerajaan<sup>2</sup> lain, Kerajaan Melayu yang lain, sa-lama-nya bertentangan antara satu sama lain, bergaduh antara satu sama lain, berperang antara satu sama lain. Mereka tidak menghormati nilai<sup>2</sup> kemanusiaan. Sa-orang yang di-tugaskan mencholek tunangan sa-orang Raja di-negeri lain, kembali berhasil sa-sudah mencholek tunang Raja yang lain, di-beri gelaran. Kurnia gelaran pangkat itu di-berikan kepada mereka yang tidak berhak, di-berikan kepada mereka yang merosak masyarakat, di-berikan kepada mereka yang menentang nilai<sup>2</sup> masyarakat yang sa-benar-nya. Dan dalam kita membesar<sup>2</sup>kan zaman lampau perlu juga kita ingatkan unсор<sup>2</sup> ini dan perlu juga kita hubungkan kepada masa sekarang, ada-kah unсор<sup>2</sup> ini maseh hidup? Di-zaman lampau, Tuan Yang di-Pertua, mereka itu tidak menghargai waktu. Kalau berbual, berbual sahaja, kalau kahwin sampai ber-minggu<sup>2</sup>, kalau mengunjongi kawan-nya sampai berhari<sup>2</sup>. Penghargaan terhadap masa itu tidak sesuai dan tidak cukup. Penghargaan terhadap masa, Tuan Yang di-Pertua, ini satu unсор yang penting sa-kali bagi satu negara yang membangun. Dan soal ini, patut juga di-kaitkan dengan Rancangan Malaysia Kedua ini, kerana unсор<sup>2</sup> ini maseh terdapat sekarang di-kalangan kita. Berapa banyak pegawai<sup>2</sup> kita dan pembesar<sup>2</sup> kita yang betul<sup>2</sup> menghargai masa sa-hingga sanggup dan kuat tenaga rohani-nya menahan nafsu, keluar pejabat hendak main golf sa-belum pukul 4.30? Dan patut sa-kali perbuatan<sup>2</sup> demikian ini di-cheгах supaya jangan nilai yang tidak betul ini, tidak menghargai masa tersebar di-kalangan masyarakat. Kalau sa-saorang itu bekerja di-dalam satu tempat yang pengaruh-nya besar terhadap jiwa ra'ayat, atau terhadap nasib ra'ayat, dia chuai terhadap masa, maka akibat-nya itu besar dan burok sa-kali terhadap pembangunan jiwa baharu atau pun revolusi mental dan terhadap usaha, di-hidupkan-nya nilai<sup>2</sup> baharu. Yang mustahak, Tuan Yang di-Pertua, bukan rancangan<sup>2</sup> yang elok<sup>2</sup> dan di-hiasi oleh kata<sup>2</sup> yang murni yang mudah sa-kali di-buat. Kata<sup>2</sup> demikian itu mudah di-buat saperti angan<sup>2</sup> di-tepi pantai. Bukan

dengan jalan demikian, Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang mustahak memberi chontoh kepada masharakat, mengamalkan apa yang kita tuju. Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan Malaysia Kedua kita ini nampak-nya senyap. Patut-nya janji pada kita tidak akan terus membazirkan wang dalam membuat padang<sup>2</sup> golf! Janji pada kita akan usaha berchermat! Dalam beberapa soal, sanggup berjanji, tetapi dalam soal yang mudah bagini tidak sanggup berjanji. Dengan jalan demikian, janji berchermat, sikap penghormatan terhadap ranchangan<sup>2</sup> Kerajaan juga akan bertambah, sikap menghormati nilai<sup>2</sup> itu akan bertambah dan pemuda pemudi kita akan bertambah lagi di-pengaruhi oleh-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membaca Revolusi Mental, pernah membaca juga Ranchangan Malaysia Kedua ini dan baharu sa-bentar tadi mendengar huraian Yang Berhormat Menteri Dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Penerangan. Huraian<sup>2</sup> ini berkisar kepada apa yang beliau mengatakan sistem nilai baharu. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya sa-bagai sa-orang salesman motokar mengatakan saya ingin menjual motokar baharu, tentu saya perlu menunjokan apa motokar baharu itu. Apa beza-nya motokar baharu itu dengan motokar<sup>2</sup> yang ada, apa bentok motokar baharu itu. Dan bila menyebut istilah nilai baharu, nilai apa yang baharu? Yang ta' ada pada kita? Nilai kejujuran? Sudah termaktub di-dalam sejarah kita beratus<sup>2</sup> tahun. Nilai giat usaha bekerja sudah termasuk dalam sejarah kita beratus<sup>2</sup> tahun, malahan, Tuan Yang di-Pertua, salah satu risalah yang pertama dalam Tenggara Asia, saya rasa, yang menganjorkan supaya kita kuat berusaha, rajin bekerja menchari nafkah, jangan hidup malas, risalah yang pertama itu telah diterbitkan oleh Majlis Ugama Kelantan. Kalau ta' salah saya dalam tahun 24 atau 34, bagitu. Jadi kesedaran tentang nilai pekerjaan, nilai rajin usaha, ini sudah di-tanam oleh ugama kita, sudah berkurun<sup>2</sup>.

Nabi sudah berkali<sup>2</sup> mengatakan, wahai umat-ku, bekerja-lah kamu, kami juga bekerja. Tuan Yang di-Pertua, di-dalam pandangan ugama Islam, Tuhan itu mempunyai sifat<sup>2</sup> tertentu dan salah satu daripada sifat Tuhan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah sifat Tuhan yang tidak pernah berhenti bekerja. Dalam Qur'an di-sebut sa-lama-nya Tuhan bekerja, Tuhan menchipta. Jadi nilai kita

berusaha, nilai<sup>2</sup> kita bekerja, nilai kita menchipta, nilai kita rajin itu sudah ada beratus<sup>2</sup> tahun, bukan satu pendapat yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, nilai umpama-nya waktu, menghargai waktu. Berkali<sup>2</sup>, kalau kita membaca kitab<sup>2</sup> ugama akan kita dapati penghargaan terhadap waktu, malahan dalam Al-Qur'an sendiri ada satu jus yang di-namakan mengikut ma'ana waktu. Tuan Yang di-Pertua, penghargaan terhadap waktu sudah tertanam dalam sejarah kita. Penghargaan terhadap usaha, sudah tertanam, nilai giat bekerja, sudah tertanam, semua nilai<sup>2</sup> yang di-perlukan bagi pembangunan, sudah ada. Apa-kah nilai baharu itu yang di-janjikan? Kerana itu di-janjikan nilai baharu, saya ingin mengetahui baharu-lah di-mana? Barangkali, Tuan Yang di-Pertua, yang di-maksudkan itu bukan nilai baharu, tetapi sikap baharu, sikap yang kekurangan, sikap yang tidak ada pada kita sa-lama ini. Barangkali yang di-maksudkan, ranchangan<sup>2</sup> yang baharu kerana nilai<sup>2</sup> baharu yang saya terangkan tadi, nilai<sup>2</sup> usaha yang mustahak tadi sudah ada dalam masharakat, dalam sejarah kita. Yang salah kita sendiri yang tidak mengetahui, yang menunggu berkurun<sup>2</sup> baharu bangun tidor, atau menunggu berpuloh<sup>2</sup> tahun, atau menunggu bertahun<sup>2</sup>, yang tidak ingin menyelam ka-dalam sejarah kita sendiri, yang tidak ingin menyelam ka-dalam falsafah kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membahathkan dan menchadangkan soal<sup>2</sup> ini terhadap masharakat, mustahak sa-kali apa yang kita chadangkan itu di-ulas dan diterangkan sa-chara mendalam dan sa-chara tepat. Kalau tidak ia akan menimbulkan kesalah-fahaman dan kekeliruan. Kalau umpama-nya tidak di-terangkan dengan tepat apa yang di-maksudkan nilai baharu, nanti nilai yang hidup umpama-nya boleh jadi dari gulongan hippie, atau pun umpama-nya pandangan bahawa manusia ini tidak perlu kahwin, hidup bersama sahaja. Kalau ini di-katakan nilai baharu, ini memang tidak ada dalam sejarah kita, tidak di-aku<sup>2</sup> oleh falsafah kita.

Jadi oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membahathkan soal<sup>2</sup> nilai patut di-jelaskan, beri chontoh di-mana nilai itu yang baharu, yang belum pernah terdapat dalam masharakat kita. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, sa-macham kita hendak menjual motokar baharu, tetapi tidak nampak di-mana baharu-nya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap Ahli Yang Berhormat itu tidak mengulang<sup>2</sup>kan satu<sup>2</sup> perkara.

**Dr Syed Hussein Alatas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Demikian juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan istilah "restructuring of society" yang di-gunakan oleh Yang Berhormat Menteri. "Restructuring of society" ini bentuk-nya macham mana? Apa yang akan di-robah, sebab istilah<sup>2</sup> demikian perlu di-jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membentok Rancangan Malaysia Kedua ini, saya khuatir bahawa ahli<sup>2</sup> dalam negeri, pakar<sup>2</sup> kita yang berkebangsaan Malaysia tidak semua-nya ditanya pendapat-nya, tidak tergabong di-dalam usaha merancang Rancangan Malaysia Kedua ini, dan oleh kerana itu mereka tidak di-beri kesempatan chukop untok menyumbang kepada negeri sendiri dalam pembentokan Rancangan Malaysia Kedua ini.

Kalau sa-kira-nya usaha mereka itu, digabongkan dengan usaha pembentokan rancangan ini, sudah tentu mutu rancangan ini akan bertambah dan banyak soal<sup>2</sup> yang tidak terdapat di-dalam rancangan ini akan timbul.

Ini satu kelemahan, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat di-perbaiki oleh Kerajaan dengan mudah. Itu sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi di-sini supaya kita jangan dengan terburu<sup>2</sup> menerima keseluruhan rancangan ini dengan tidak di-perbaiki dalam beberapa bahagian bagi meninggikan mutu rancangan ini dan bagi tambah memuaskan lagi, menghilangkan keraguan<sup>2</sup> yang dapat timbul daripada berbagai segi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa lebeh lama lagi, hanya sedikit di-sini. Soal perangkaan yang terdapat dalam rancangan ini. Oleh kerana banyak sa-kali perangkaan<sup>2</sup>-nya dan banyak sa-kali kelemahan<sup>2</sup>-nya lebeh baiki di-kaji dengan sa-chara tulisan di-luar Dewan ini. Hal ini memerlukan satu perbahathan tertulis dan memerlukan masa yang panjang sa-kali dan lebeh berguna kalau di-hidangkan kepada mereka yang bersangkutan-paut dengan pembentokan rancangan ini. Tetapi walau pun demikian baik-lah kita ingatkan bahawa kelemahan perangkaan itu besar pengaruh-nya terhadap rancangan ini dan itu sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ulasan saya di-sini supaya kita jangan terburu<sup>2</sup> menerima

rancangan ini dengan tidak di-perbaiki. Tidak ada salah-nya bagi kita semua untok memperbaiki rancangan ini. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah meminta izin beruchap sedikit kerana masa pun sudah suntok, kalau ta' habis saya akan sambong besok.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya menyokong ketetapan yang di-bawa oleh Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Penerangan kerana kita sa-bagai sa-buah negeri atau sa-buah parti sa-kali pun jika hendak membangunkan sa-suatu benda itu mesti-lah ada pelan. Saya rasa pelan itu akan di-buat dahulu, kemudian baharu kita bin-changkan.

Sa-umpama hari ini sa-saorang hendak buat rumah, mesti-lah ada pelan, kalau ta' ada pelan di-mana dia hendak letak jamban (*Ketawa*), di-mana dia hendak letak parit, di-mana dia hendak letak tangga, di-mana dia hendak letak bilek yang istimewa dengan isteri dia (*Ketawa*). Ini berkehendakkan pelan, kalau tidak ada pelan, ada-kah manusia dudok di-bawah tanah sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian: sayang sa-ribu kali sayang, yang berchakap tadi dia juga sa-orang pemimpin. Beliau tadi menyatakan Tunku berjanji, dan Tunku ta' tunaikan. Saya rasa Yang Berhormat itu juga telah berjanji kepada ra'ayat Pulau Pinang. Lagi besar janji-nya tetapi hari ini apa Yang Berhormat sudah tinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini ta' ada sa-orang pun ta' berjanji, tetapi tunai dengan ta' tunai, itu takdir Tuhan. Kita ada mempunyai Tuhan, kita perchaya kepada Tuhan. Kalau kita janji apa kita berchakap, kita hendak buat sa-boleh<sup>2</sup>-nya. Ini perjanjian kita kepada ra'ayat, kalau berjanji, itu ter-pulang-lah kepada Tuhan.

Kata Yang Berhormat tadi orang kita semua sudah jujur, ra'ayat negeri ini sudah jujur. Berapa gulongan-kah ra'ayat yang jujur? Kalau ra'ayat jujur, kita ta' akan jadi macham ini. Saya rasa ada orang yang ta' jujur. Sebab kita tahu Kerajaan akan memberi pertolongan kepada ra'ayat di-luar bandar dengan tidak memilih apa bangsa juga pun.

Janji<sup>2</sup> ini bukan berma'ana 20 tahun, atau 30 tahun, atau sa-tahun, atau dua tahun, tidak. Kalau dengan takdir di-izinkan Allah berangkali besok pun boleh di-chipta. Jadi, saya rasa kalau-lah semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini menyokong, tentu-lah ada alasan<sup>2</sup> yang akan di-beri oleh mereka untuk menyokong Kerajaan. Jadi Kerajaan telah menyusun, Kerajaan telah memilih, ta' kan-lah Kerajaan akan memilih macham saya ini yang ta' bersekolah Inggeris, tentu-lah di-pilih orang yang akan mengotorkan undang<sup>2</sup> ini dengan orang<sup>2</sup> yang pakar di-dalam segi segala gulungan. Dari itu, saya menyokong dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya Rancangan Malaysia Kedua ini. Hanya saya berharap kepada Kerajaan untuk melaksanakan ia-itu di-dalam ucapan Yang Berhormat tadi menyentoh berkenaan Persatuan Petani, Persatuan Peladang. Ini-lah yang kita utamakan dahulu sa-belum orang atasan menerima nekmata itu. Kerana penderitaan orang petani, orang peladang—saya biasa dengan orang<sup>2</sup> peladang, saya juga anak orang peladang, saya tahu kesusahan tetapi bukan-lah saya rasa yang berchakap tadi tidak pernah masuk ka-kampung, tidak tengok penderitaan orang<sup>2</sup> kampung, sebab itu-lah Kerajaan mengambil keputusan untuk memberi keistimewaan kepada petani<sup>2</sup> dan peladang<sup>2</sup>. Muga<sup>2</sup> Kerajaan yang di-pimpin oleh Yang Amat Berhormat Tun pada hari ini akan dapat berjalan, akan memberi peluang kepada petani<sup>2</sup> yang mana menderita selalu. Saya selalu pergi di-tepi laut melihat keadaan nelayan<sup>2</sup>, kedudukan petani<sup>2</sup>, walau pun saya sekarang menjadi Yang Berhormat, saya selalu pergi melihat mereka, saya selalu berchampur dengan petani<sup>2</sup>, tetapi tidak pernah saya lihat orang yang berchakap banyak itu pergi berjumpa dengan petani<sup>2</sup>. Jadi rancangan ini, saya rasa elok-lah Kerajaan menjalankan kepada ra'ayat seluroh-nya.

Saya juga meminta kepada Kerajaan akan mengutamakan Rancangan Malaysia Kedua ini melebehi kepada orang<sup>2</sup> yang duduk di-luar bandar. Kalau sa-kira-nya Kerajaan sudah menjalankan, melantek pegawai<sup>2</sup> yang akan di-tugaskan itu, itu-lah pegawai<sup>2</sup> yang betul<sup>2</sup> bertanggung-jawab kepada ra'ayat. Sebab kita tahu bahawa Tun selalu telah memberi amaran kepada kakitangan Kerajaan kerana tidak memberi peluang, atau tidak memberi keutamaan kepada orang<sup>2</sup> miskin, atau orang<sup>2</sup> yang kesusahan tidak mengambil tahu. Ini-lah saya berharap jika

sa-kira-nya Kerajaan hendak memenohi jawatan<sup>2</sup> itu pilih-lah orang<sup>2</sup> yang bertanggung-jawab.

Lagi satu saya suka menjawab pendapat Yang Berhormat tadi. Dalam dunia ini kalau kita hendak chari semua tidak ada pengang-goran, kena apa negeri Pulau Pinang maseh banyak penganggoran, saya tahu kerana saya datang dari Pulau Pinang.

Yang kedua, dia menyatakan soal kita hendak beristeri, hendak bersuami—ini adalah soal diri kita sendiri. Kita tidak guna-lah membawa bidalan<sup>2</sup> yang tidak tentu di-dalam Majlis ini. Ini bidalan ada-lah Kerajaan kita hendak membena sa-buah Kerajaan untuk membaiki kehidupan ra'ayat yang akan datang. Jadi saya rasa perkara<sup>2</sup> ini kalau Yang Berhormat kaseh sayang betul<sup>2</sup> kepada orang Pulau Pinang, mengapa-kah Yang Berhormat itu tinggal dan tidak mahu betulkan kedudukan orang<sup>2</sup> Pulau Pinang.

Jadi saya berharap perkara ini jangan-lah kita selalu suka menudoh, mari-lah kita sama<sup>2</sup> membaiki keadaan yang akan datang, chara mana-kah hendak mengutamakan kehidupan nelayan<sup>2</sup> dan petani<sup>2</sup> dan juga peladang<sup>2</sup>, kita sudah rasa nekmata. Macham saya pun, rasa juga nekmata menjadi Yang Berhormat. Jadi kita pula harus fikirkan tentang kedudukan ra'ayat, bagaimana-kah kedudukan mereka. Sebab itu-lah Kerajaan telah selidek, telah tahu, bahawa Kerajaan Perikatan ada mempunyai parti yang terkuat, yang terbilang, minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya berjangkit berkenaan parti. Sebab ada banyak pegawai<sup>2</sup> khas yang berjalan di-kampung<sup>2</sup>. Sebab itu-lah Kerajaan menyusun Buku Merah ini dengan chantek, dengan elok, saya rasa kalau Yang Berhormat sa-kali pun hendak menyusun buku tersebut tentu-lah tidak lengkap dan tidak dapat bagini elok. Tentu-lah Yang Berhormat kata dia itu orang Perikatan, tentu masuk Perikatan. Ini memang bukan masuk Perikatan, kita hendak membela Kerajaan, hendak membela ra'ayat, tidak berpehak kepada mana<sup>2</sup>. Jadi saya berharap . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Mshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga hari besok pada jam 2.30 petang.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.*